



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **KEBAJIKAN PESARA PERKHIDMATAN AWAM**

---

Kerajaan mengambil maklum berhubung perbezaan amaun pencen antara veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang bersara sebelum 1 Januari 2013 dan yang bersara mulai 1 Januari 2013. Isu ini juga dihadapi oleh semua pesara penjawat awam dari skim-skim perkhidmatan yang lain.

Justeru, perincian lanjut mengenai perkara ini akan dibincang bersekali dalam Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Semula Sistem Saraan Perkhidmatan Awam yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dalam masa terdekat.

Kerajaan bersetuju mengkaji semula sistem saraan perkhidmatan awam dengan mengambil kira peningkatan kos sara hidup dan tiadanya semakan gaji dibuat sejak 2012.

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan pesara perkhidmatan awam yang telah menyumbang khidmat bakti dalam arus pembangunan negara.

**####**

#### **Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 14 Julai 2023

E-mel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)

No.Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 ( 48 )